

SIARAN AKHBAR

GERAN RM435 RIBU BAKAL MANFAAT 29 USAHAWAN ASNAD MELAKA



Encik Rizal bin Dato' Nainy, Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia (tiga dari kanan) dan Encik Shaifulfazlee bin Mohamad, Setiausaha Majlis Agama Islam Melaka - MAIM (empat dari kiri) bersama antara Usahawan Asnaf yang berjaya menamatkan latihan di bawah Program Tunas Perintis Usahawan.

ALOR GAJAH, 29 November 2024 – Geran perniagaan berjumlah RM435,000.00 bakal memberikan manfaat kepada 29 Usahawan Asnaf yang berdaftar di bawah Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) melalui Program Tunas Perintis Usahawan. Program ini merupakan kerjasama strategik di antara SME Corp. Malaysia, agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) dan MAIM.

Program berbentuk latihan yang direka khas untuk memenuhi keperluan peserta Asnaf ini diinspirasikan daripada Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE), program sedia ada di bawah SME Corp. Malaysia yang telah berjaya melahirkan ramai

usahawan belia. Sehingga kini, Program TUBE telah melatih 8,543 belia melibatkan geran perniagaan berjumlah RM125.84 juta.

Program Tunas Perintis Usahawan ini bertujuan meningkatkan taraf hidup Usahawan Asnaf melalui aktiviti keusahawanan yang inovatif serta membina daya tahan dan jati diri usahawan asnaf agar mereka lebih berdaya saing dalam menguruskan perniagaan selain mengubah paradigma daripada penerima zakat kepada pembayar zakat.

Program Tunas Perintis Usahawan MAIM ini juga merupakan kesinambungan kepada inisiatif yang telah dilaksanakan oleh SME Corp. Malaysia bersama Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) iaitu Program Tunas Usahawan Baitulmal (TUB) dan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) bagi pelaksanaan Program Tunas Usahawan Zakat Pulau Pinang (TUZPP). Program TUB dan TUZPP ini telah melatih seramai 134 Usahawan Asnaf dan 49 Usahawan Asnaf yang berjaya merekodkan nilai hasil jualan sebanyak RM4.53 juta dan RM1.6 juta masing-masing.

Encik Rizal bin Dato' Nainy, Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia dalam ucapannya semasa Majlis Penutupan Program Tunas Perintis Usahawan MAIM berkata, "Bagi para peserta yang telah berjaya membentangkan Rancangan Perniagaan, mereka layak menerima bantuan Geran Permulaan Perniagaan maksimum sehingga RM15,000.00 setiap peserta. Semua peserta seterusnya diwajibkan untuk melapor status perniagaan mereka secara berkala bagi memastikan prestasi perniagaan mereka sentiasa dipantau dan ditambah baik dari semasa ke semasa".

Dalam majlis yang sama, Encik Rizal telah turut sama menyampaikan cek cura (*mock cheque*) geran, sijil penyertaan serta Anugerah Rancangan Perniagaan Terbaik dan Peserta Terbaik. Hadir sama semasa Majlis Penutupan Program Tunas Perintis Usahawan MAIM adalah Encik Shaifulfazlee bin Mohamad, Setiausaha Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) dan Encik Rizal bin Dato' Nainy, Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia.

- TAMAT -

Tentang SME Corp. Malaysia

SME Corp. Malaysia merupakan Agensi Penyelaras Pusat di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) yang berperanan sebagai pusat pengumpulan dan rujukan setempat bagi maklumat dan khidmat nasihat Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS). SME Corp. Malaysia juga menyelaras program pembangunan PMKS di Malaysia, menjalankan penilaian ekonomi dan pengakreditasian PMKS, serta melaksanakan program pembangunan perniagaan dan fasilitasi akses PMKS kepada pasaran dalam dan luar negara.

Bermula pada 2 Mei 1996, SME Corp. Malaysia dahulunya dikenali sebagai Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC), bermatlamat membangunkan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) Malaysia yang berkeupayaan dan berdaya tahan agar mampu berdaya saing di pasaran global. Pada tahun 2007, SMIDEC telah diberi mandat oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri untuk menggubal dasar dan strategi menyeluruh bagi PKS dan memacu program PKS merentasi Kementerian dan Agensi. Sehubungan itu, SMIDEC telah dijenamakan semula secara rasmi sebagai SME Corp. Malaysia pada 2 Oktober 2009.

PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA (SME CORP. MALAYSIA)

Aras 6, Blok B, Platinum Sentral
Jalan Stesen Sentral 2
Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur
Tel : 603-9213 0077
Faks : 603-2775 6001
E-mel : info@smecorp.gov.my
Laman sesawang: www.smecorp.gov.my

Pengarah
Bahagian Komunikasi Korporat
(U.P. : Pn. Suraini Mohamad Sulaiman)
Tel : 03-2775 6290
E-mel : suraini@smecorp.gov.my